

Kata Kunci:
Ikhlas
Sembunyi
Usaha
Istiqamah



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

6 Februari 2026 / 18 Syaaban 1447H

Ikhlas – Kebaikan yang Tersembunyi

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ. اَشْهَدُ اَنْ
لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ. اَوْصِيْ نَفْسِيْ وَاَيُّكُمْ بِتَقْوٰى اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa. Taati segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. **Ikhhlaskanlah** niat kita untuk mencapai keredaan Allah dalam setiap perkara. Semoga Allah s.w.t. membersihkan hati serta amalan kita dari segala kekotoran yang mencemarnya. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bagaimana dapat kita menilai **keikhlasan** dalam diri? Pada zaman serba maju ini, amal kebajikan yang dilakukan sering

tidak terlepas daripada pandangan manusia, sama ada melalui alam maya atau di alam nyata. Jadi, adakah **keikhlasan** semakin sukar untuk dipelihara?

Saudaraku, Islam menekankan bahawa teras agama ini terletak pada **keikhlasan** kepada Allah s.w.t. Firman Allah dalam Surah al-Bayyinah, ayat ke-5:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ
وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: “Sedangkan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan **mengikhhlaskan** ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan agar mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”

Ayat ini mengingatkan kita bahawa kehidupan beragama memerlukan **keikhlasan**. Tanpa sifat **ikhlas**, lebih sukar untuk kita terus teguh atas jalan kebaikan.

Saudara sekalian,

Keikhlasan tidak bermaksud kita dilarang sama sekali untuk menzahirkan kebaikan. Para ulama berpandangan bahawa, menzahirkan amal kebaikan dibenarkan sekiranya niatnya adalah untuk menggalakkan orang lain berbuat baik dan dilakukan tanpa unsur riak atau mengharap pujian. Namun pada masa yang sama, Islam juga mendidik kita agar **berusaha**

menyembunyikan sebahagian amalan, demi menjaga kemurnian niat dan membersihkan hati.

Ini dicerminkan dalam hadis sahih berkenaan seorang lelaki yang **berusaha menyembunyikan** sedekahnya, sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dihulurkan tangan kanannya. Begitu juga seorang sahabat nabi, az-Zubair bin al-‘Awwam r.a. yang pernah berpesan yang bermaksud: “*Sesiapa antara kamu yang mampu memiliki satu amalan soleh yang **tersembunyi**, maka lakukanlah.*” (Riwayat Ibn Abi Syaibah)

Oleh itu, ayuh renungkan: Apakah amalan yang menjadi rahsia antara kita dengan Allah, sebagai tanda **keikhlasan** kita kepada-Nya? Di sini, mimbar ingin berkongsi dua cara bagaimana sifat **ikhlas** dapat memberi kesan baik bagi membentuk keperibadian seorang Muslim.

Pertama: Sifat ikhlas menjadikan seseorang jelas dalam tujuan hidupnya

Apabila seseorang meletakkan keredaan al-Khaliq yakni Allah sebagai matlamatnya, dia tidak mengharapkan **usahanya** mendapat penghargaan makhluk. Renungkan, anda membantu insan yang dalam kesusahan, atau sepasang suami isteri mengurus rumah di tengah hening malam, atau seorang anak yang setia mendoakan kedua ibu bapanya walaupun sukar meluahkan perasaan – semua ini menjadi ibadah yang bernilai dan terasa ringan apabila dilakukan dengan **keikhlasan**.

Kedua: Sifat ikhlas melahirkan istiqamah dalam nilai-nilai kebaikan

Keikhlasan memandu seorang Muslim agar tidak mudah goyah dengan perubahan suasana atau pandangan manusia. Dia terbuka menerima dan menilai setiap teguran. Tidak kurang penting juga adalah sifat berhemah ketika memberikan teguran, kerana **keikhlasan** dalam menegur mesti seiring dengan keihsanan.

Seorang Muslim yang ikhlas mendekati dengan kasih sayang serta keprihatinan. Seorang Muslim yang **ikhlas** menegakkan keadilan dan kebajikan, bukan kerana mengikut tren masa kini, tetapi kerana didorong prinsip dan nilai keimanan.

Saudara yang dikasihi Allah,

Marilah kita menilai setiap amalan yang kita lakukan. Peliharalah **keikhlasan**, hiasilah diri dengan kerendahan hati agar kita lebih **istiqamah** dalam kebaikan. Moga Allah s.w.t. menerima setiap **usaha** kita, sama ada yang diketahui manusia mahupun yang **tersembunyi**. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْرَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.